



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	20/1/2020	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Utusan Malaysia 20/1/2020

m/s 35

Rebat elektrik dibiayai penuh kerajaan

KUALA LUMPUR: Rebat elektrik sebanyak 10 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac kepada enam sektor perniagaan seluruh negara yang terkesan akibat Covid-19 akan dibiayai oleh kerajaan.

Menurut Tenaga Nasional Berhad (TNB) seperti dipetik *theedgemarkets.com*, ia termasuk sumbangan daripada dana industri elektrik.

TNB berkata, pengumuman bagi Pelepasan Kos Bahan Api Tidak Seimbang (ICPT) dengan rebat dua sen per kilowatt jam (kWh) kepada semua pelanggan termasuk pelanggan domestik dengan penggunaan 300kWh dan ke bawah juga akan dibiayai kerajaan menerusi cara sama.

"Kesan diskaun dan rebat tidak mempengaruhi TNB dengan pendapatan elektrik syarikat juga tidak terkesan.

"Ia juga tidak memberi apa-apa kesan kepada kedudukan kewangan dan operasi perniagaan TNB," kata syarikat itu kepada portal tersebut.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pakej bantuan Perlindungan Ekonomi Rakyat Malaysia (Permai) untuk menambah baik inisiatif sedia ada yang masih berterusan dan mempercepatkan pelaksanaan inisiatif berkaitan.

Antara manfaat yang diumumkan termasuk diskaun khas bil elektrik sebanyak 10 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac ini kepada enam sektor perniagaan meliputi pengendali hotel, taman tema, pusat konvensyen, pusat beli-belah, pejabat syarikat penerbangan tempatan serta agensi pengembaraan dan pelancongan.